

SYARAT & PERATURAN UMUM

Syarat Umum

1. Permohonan Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2014 (TABM 2014) dibuka **hanya** kepada warganegara Malaysia.
2. **Anugerah ini tidak akan diberikan kepada mana-mana individu secara anumerta (*posthumous*).**
3. Permohonan TABM 2014 terbuka kepada semua ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia sepanjang tahun atau sebahagian dari tahun yang dinilai.
4. Sekiranya tiada calon yang layak bagi TABM 2014, maka anugerah tersebut tidak akan diberi.
5. Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu atau penipuan, Kementerian Pendidikan Malaysia berhak untuk menarik balik anugerah.

Peraturan dan Tatacara Permohonan

1. Permohonan/pencalonan hendaklah menggunakan borang rasmi yang terkini yang boleh dimuat turun dari laman web <http://www/moe.gov.my/v/atbm>.
2. Permohonan/pencalonan hendaklah diperakukan oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Pengarah/Pengarah atau yang setaraf dengannya atau wakil yang menjalankan tugasnya atau pemangkunya. Sekiranya borang pencalonan/permohonan ditandatangani oleh wakil/pemangku Naib Canselor/Rektor/Ketua Pengarah/Pengarah, surat penurunan kuasa daripada Naib Canselor/Rektor/Ketua Pengarah/Pengarah atau setaraf dengannya perlu disertakan.
3. Semua borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap. **Permohonan/pencalonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.**
4. Ahli Jawatankuasa Induk dan Teknikal TABM 2014 tidak boleh memohon atau dicalonkan.

5. Keputusan Jawatankuasa Induk TABM 2014 adalah muktamad.
6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 September 2014**. Semua permohonan/pencalonan perlu sampai sebelum atau pada jam 5.00 petang pada tarikh tutup. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
7. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 13, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
(u.p.: Urus Setia Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2014)

Sila layari syarat dan peraturan untuk semua kategori di <http://www/moe.gov.my/v/atbm>.